

SIARAN MEDIA

Kuala Lumpur, 2 November 2018

**Belanjawan 2019: Ulasan oleh Pengarah Urusan Khazanah
Datuk Shahril Ridza Ridzuan**

Belanjawan 2019, belanjawan yang pertama bagi Kerajaan baharu selepas Pemilihanraya Umum ke-14 bertemakan “Malaysia Wibawa, Ekonomi Dinamik, Rakyat Sejahtera.” Seperti yang diumumkan oleh Menteri Kewangan YB Lim Guan Eng, ia tertumpu kepada pelaksanaan pembaharuan institusi, memastikan kesejahteraan sosio-ekonomi rakyat Malaysia dan memupuk ekonomi keusahawanan.

Khazanah Nasional Berhad (“Khazanah”) percaya Belanjawan ini tepat pada masanya dan wajar, memberikan hala tuju yang jelas untuk pasaran, masyarakat, dasar kerajaan dan negara, untuk terus maju ke hadapan, di atas landasan fiskal yang lebih kukuh bagi kerajaan.

Kami mengalu-alukan 12 strategi Belanjawan 2019 yang meliputi pelbagai langkah yang secara keseluruhannya dijangka akan memacu Malaysia ke arah pertumbuhan terangkum dan mampan untuk jangka panjang.

Khazanah dan syarikat pelaburan kami akan terus memainkan peranan kami dalam meyumbang ke arah inisiatif pembangunan negara di bawah Belanjawan 2019, dengan penekanan khusus terhadap industri aeroangkasa, kreatif dan media, serta pemuliharaan warisan.

TAMAT

Untuk maklumat lanjut mengenai Khazanah, sila layari www.khazanah.com.my atau hubungi Mohd Raslan Md Sharif di +603 2034 0000, atau emel di raslan.sharif@khazanah.com.my.

Tentang Khazanah Nasional Berhad

Khazanah Nasional Berhad (“Khazanah”) adalah dana pelaburan strategik Kerajaan Malaysia yang diamanahkan untuk memegang dan mengurus aset komersial Kerajaan dan melaksanakan pelaburan strategik. Khazanah terlibat dalam pelbagai sektor seperti kuasa, telekomunikasi, institusi kewangan, penjagaan kesihatan, penerbangan, infrastruktur, rekreasi & pelancongan, hartanah, kreatif & media, pendidikan, dan inovasi & teknologi. Beberapa syarikat senaraian awam dalam portfolio pelaburan Khazanah termasuk Telekom Malaysia Bhd, Tenaga Nasional Bhd, CIMB Group, Axiata Group Bhd, IHH Healthcare Bhd, Malaysia Airports Holdings Bhd dan UEM Sunrise Bhd.

Untuk maklumat lanjut mengenai Khazanah, sila lawati www.khazanah.com.my.